


# Jangan Putar Belit Sejarah Kemerdekaan Negara

Tuan Pengarang,

KEBELAKANGAN ini didapati akhbar 'The Star' yang dikuasai oleh Malaysia Chinese Association (MCA) kerap menonjolkan peranan yang dimainkan oleh pemimpin-pemimpin mereka



## Surat Pembaca

terdahulu seperti Sir Tun Tan Cheng Lock dan anaknya Tun Tan Siew Sin bagi mencapai kemerdekaan bagi Persekutuan Tanah Melayu atau Malaya ketika itu.

Kita tidak mahu mempersoalkan peranan mereka tetapi perlu diingat iaitu pada mulanya mereka menentang Tanah Melayu dimerdekakan dari pihak British kerana mereka lebih suka dan menyokong konsep Malayan Union di mana orang Melayu dan Raja-Raja Melayu akan hilang kuasa dan jawatan yang di pegang oleh Raja-raja Melayu hanyalah seba

< SANGGUP BERKORBAN.. Kaum wanita Melayu turut serta dalam pasukan 'Home Guard' demi menjaga keamanan ketika darurat.

> 'MALAYSIA OWES ITS INDEPENDENCE TO TUNKU' - Mahathir

Era Baru - 2014/2007.

gai Penghulu atau Ketua Kampong seperti yang pernah disebut oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Tetapi apabila orang Melayu diperbodoh dan diperkecil kan oleh orang kulit putih maka orang Melayu termasuk Ketua Menteri Malaya ketika itu, almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah bangkit dan bersumpah untuk segera memerdekakan tanah air.

Tunku yang penuh dengan semangat perjuangan mendapat sokongan penuh dari orang-orang Melayu diseluruh tanah air.

Ekoran dari itu, Tunku kemudian membuat keputusan untuk mempelawa MCA supaya menyertai perjuangan orang Melayu melalui UMNO untuk menuntut kemerdekaan dari pihak British tetapi hanya setelah Tunku melalui pelbagai halangan dan rintangan dari orang-orang Cina kerana mereka takut tergugat apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan dan orang Melayu dapat berkuasa.

Justeru, tidak perlu dipersoalkan peranan penting yang dimulakan dan dimainkan oleh orang Melayu sebelum pemimpin-pemimpin Cina seperti Tun Tan Cheng Lock mula muncul.

Sementara itu, menurut cucu Tun Tan Cheng Lock dalam akhbar 'The Star' baru-baru ini, beliau menyebut bahawa sebenarnya Tun Tan Cheng Lock dan seorang lagi ketika itu berada di India dan dari sana mereka sudah berminat untuk menulis surat kepada Kerajaan British supaya Malaya dibebaskan dari penjajah.

Tetapi persoalannya mengapa setelah Tunku dan orang Melayu bangkit menentang keras penubuhan Malayan Union kaum Cina hanya sanggup berdiam diri dan berpeluk tubuh?

Juga, difahamkan iaitu apabila Tunku membawa Tun Tan Cheng Lock menemui ketua Komunis, Chin Peng, di Baling, Kedah, bersama Ketua Menteri Singapura, David Marshall, mendesak Chin Peng meletakkan senjata, Tun Tan tidak bercakap untuk memertahankan keselamatan Tanah Melayu dari dijajah atau menentang hasrat Chin Peng ketua Komunis itu untuk memerintah Tanah Melayu dengan cara Komunis?

Saya harap sejarah yang sebenar tidak diputar belitkan oleh pihak-pihak tertentu dengan membuat dakwaan kononnya bahawa pemimpin-pemimpin mereka dari mula-mula lagi telah meminta Kerajaan British supaya memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu.

Junaidi Abdullah  
Alor Gajah, Melaka.

